

## **CATATAN PENGALAMAN MENGIKUTI LATIHAN UNIVERSAL PERIODIC REVIEW DI GENEVA**

Norzila Baharin

[norzilabaharin@yahoo.com](mailto:norzilabaharin@yahoo.com)

WANITA IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA

Norsaleha Mohd. Salleh

WANITA IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA

Rafidah Hanim Mokhtar

WANITA IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA

### **ABSTRAK**

Tulisan ini bertujuan menerangkan tentang pengalaman Wanita ISMA sebagai salah satu NGO Islam yang terlibat dalam latihan Universal Periodic Review (UPR) atau Penilaian Berkala Sejagat di PBB, Geneva. Universal Periodic Review (UPR) atau Semakan Berkala Sejagat adalah satu proses semakan ke atas 193 negara di bawah PBB. Semakan ini adalah untuk melihat kepatuhan kepada undang-undang hak asasi asasi manusia yang telah ditetapkan Majlis Hak Asasi Manusia (HAM) PBB atau United Nations Human Rights Council (UNHRC). Latihan ini bertujuan memberi pendedahan kepada NGO Islam berkaitan tatacara penulisan laporan berkaitan hak asasi manusia yang berlaku di negara masing-masing. Latihan ini beroperasi di Geneva di bawah seliaan badan NGO yang bertauliah di Geneva. Hasil latihan tersebut memberi pendedahan kepada NGO Islam di Malaysia untuk lebih kehadapan dalam memperkatakan tentang hak asasi manusia terutamanya wanita Islam. Latihan seumpama ini diharapkan dapat memberi pengetahuan baru kepada NGO Islam untuk lebih aktif menulis dan menulis laporan bagi mengimbangi laporan berat sebelah yang dihantar oleh pihak COMANGO.

Kata Kunci: COMANGO, Wanita ISMA, Universal Periodic Review (UPR), Majlis Hak Asasi Manusia (HAM)

### **Pengenalan**

Kami telah dihantar sebagai wakil Wanita ISMA untuk menjalani latihan UPR (Universal Periodic Review atau Penilaian Berkala Sejagat) di Geneva dengan menyertai rombongan Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) pada 20 Julai hingga 28 Julai 2016. Antara objektifnya ialah melatih diri membuat laporan badan bukan kerajaan (NGO) untuk siding UPR 2018, melihat sendiri perjalanan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva dan mempelajari tentang bagaimana menggunakan undang-undang antarabangsa untuk menegakkan keadilan buat urusan orang-orang Islam.

Yuran agak mahal iaitu RM 6275 seorang, dan kami telah ditaja oleh ahli-ahli ISMA seluruh Negara yang menyumbang dari poket mereka sendiri demi melihat ahli-ahli ISMA menimba ilmu dan meyumbang kepada kesejahteraan Ummah. Presiden

ISMA Ustaz Abdullah Zaik turut memberi amanat dan dorongan serta merestui perjalanan kami. Di KLIA pada 20 Julai, sebelum berlepas, kami telah dirungi dan disambut meriah oleh Ketua Wanita ISMA, Dr Norsaleha Mohd Salleh, ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Wanita (JKPW), ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Beliawanis (PEMBINA) serta ahli-ahli ISMA Daerah Hulu Langat dan Melaka.

## GENEVA

Geneva terletak di Barat Selatan Switzerland berhampiran sempadan Perancis dan merupakan bandar kedua paling ramai penduduk di Switzerland. Terdapat ramai penduduk yang pelbagai bangsa kerana ramai pendatang dari Negara-negara Arab seperti Morocco, Algeria, Iraq dan juga Negara Itali dan Perancis. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Perancis.

Geneva mempunya psling banyak organisasi antarabangsa seperti PBB, WCC (World Council of Churches), WHO (World Health Organisation), ILO (International Labour Organisation), dan ICRC (International Committee of the Red Cross). Selain itu, terdapat banyak juga pejabat agensi-agensi PBB seperti UNHCR (United Nation High Commission for Refugees), UNICEF (United Nations Children's Fund) dan UNWFP (United Nations World Food Programme).

## Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan pertama di dunia ialah Piagam Madinah yang diwujudkan pada 622 Masihi yang dimeterai antara Rasulullah saw, orang-orang beriman dan musyrikin dari Quraisy, dan orang-orang Yahudi Madinah. Piagam ini mempunyai 47 fasal iaitu 23 fasal antara orang Islam dengan orang Islam lain dan 24 fasal antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Perlembagaan penting kerana ia boleh menjamin kestabilan politik serta menentukan arah pembahagian kuasa Negara dan negeri-negeri, menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat, menentukan tanggungjawab rakyat serta meningkatkan perpaduan nasional dan mengelakkan persengketaan.

Perlembagaan Malaysia atau Perlembagaan Persekutuan berkuatkuasa sejurus selepas kemerdekaan iaitu 31 Ogos 1957. Ia dirangka berdasarkan nasihat daripada Suruhanjaya Reid pada tahun 1956. Suruhanjaya ini diketuai oleh Hakim Mahkhamah Rayuan England, Lord William Reid dan ia adalah suruhanjaya yang bebas. Sebanyak 131 memorandum dari pelbagai pihak termasuk individu dan organisasi telah diterima.

Draf kerja telah diserahkan kepada Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada 4 pemerintah Melayu, 4 orang Parti Perikatan, Suruhanjaya Tinggi British, Setiausaha Agung dan Peguam Negara pada Februari 1957. Setelah berbincang selama 2 bulan, beberapa pindaan telah dibuat. Rang perlembagaan ini kemudian dirujuk kepada Majlis Raja-Raja dan disahkan. Seterusnya dibincang bersama kerajaan British dan telah diluluskan pada Ogos 1957.

Perlembagaan Persekutuan mempunyai 183 Perkara, 15 Bahagian termasuk Bahagian 12 A iaitu perlindungan tambahan bagi Negeri Sabah dan Sarawak dan 13 Jadual. Perkara-perkara berkaitan hak asasi manusia terdapat dalam Perkara 5-13 iaitu:

- Perkara 5: hak kebebasan diri
- Perkara 6: hak daripada keabdian dan kerja-kerja paksa
- Perkara 7: hak perlindungan dari undang-undang jenayah
- Perkara 8: hak kesamarataaan
- Perkara 9: hak larangan buang negeri
- Perkara 10: hak kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan
- Perkara 11: hak kebebasan beragama dan boleh menyekat pengembangan apa-apa kepercayaan agama di kalangan orang beragama Islam
- Perkara 12: hak pendidikan
- Perkara 13: hak harta

### **Universal Declaration of Human Rights (UDHR) Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat**

Undang-undang antarabangsa ini telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB pada 10 Disember 1948 dengan 48 negara menyokong termasuk Iran, Afghanistan, Pakistan dan Turki, tetapi 8 buah Negara menentang termasuk Blok USSR dan Saudi Arabia. Ia diwujudkan hasil daripada pengalaman yang dilalui semasa Perang Dunia Kedua dan merupakan ‘statement’ pertama hak asasi manusia secara global. Undang-undang ini berdasarkan fahaman sekular dan menganggap manusia sebagai pemerintah agung dan hak-hak asasi ini diperolehi setelah berjuang agak lama. Ia tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya oleh orang Islam tanpa melanggar undang-undang Syariah.

Terdapat 25 perkara dalam UDHR, dan ada beberapa persamaan dengan Perlembagaan kita, tetapi dimasukkan juga dalam Perkara 18 iaitu kebebasan beragama termasuk kebebasan menukar agama yang dilarang dalam Perlembagaan kita. Begitu juga terdapat dalam Perkara 22 dan 24, hak terhadap keselamatan sosial dan waktu rehat dan masa lapang serta cuti bergaji. Dalam Perlembagaan kita, perkara-perkara ini tidak dinyatakan tetapi Malaysia ada skim pencen, KWSP, PERKESO dan kita juga mempunyai banyak cuti awam. Selain itu, UDHR tidak menyentuh langsung tentang larangan penjajahan seperti yang terdapat dalam Deklarasi Kaherah.

Negara-negara yang mempelopori UDHR adalah Negara-negara penjajah di mana undang-undang ini diwujudkan semasa mereka masih lagi menjajah. Sementara itu, Negara-negara lain seperti Afrika dan Asia masih dijajah dan tidak berpeluang mengambil bahagian atau terlalu lemah untuk memberi apa-apa kesan. Undang-undang ini yang digunakan dalam mengukur tahap kepatuhan Negara-negara yang menjadi anggota PBB dalam hal-hal hak asasi manusia. Walaupun UDHR tidak mempunyai kuasa undang-undang, namun ia mempengaruhi banyak undang-undang Negara lain termasuk Malaysia dan digunakan untuk memberi tekanan diplomatic dan moral pada mana-mana Negara yang melanggar peruntukannya.

Implikasinya lebih besar di mana kuasa-kuasa besar Barat memaksa Negara-negara yang lemah memakai prinsip hak asasi manusia ciptaan mereka malah menggunakan untuk menekan, dan menjatuhkan serta memerangi kerajaan yang tidak sehaluan dengan mereka. Akibatnya, kemusnahan dan kematian berlaku iaitu perlanggaran hak asasi manusia yang sangat ketara. Dalam erti kata lain, undang-

undang hak asasi manusia ini cuma untuk Negara lain dan bukan untuk mereka yang menciptanya.

### **Deklarasi Kaherah Hak Asasi Manusia Islam**

Deklarasi Kaherah Hak Asasi Manusia Islam telah diluluskan oleh anggota-anggota OIC pada 5 Ogos 1990 semasa Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Kaherah. Deklarasi ini mengagungkan Allah sebagai Pemerintah dan memberi gambaran menyeluruh perspektif Islam mengenai hak asasi manusia dan mengesahkan Syariah sebagai sumber tunggal. Ia merupakan garis panduan umum bagi anggota-anggota OIC dalam hak asasi manusia.

Terdapat 25 artikel semua dan antaranya dalam Artikel 11 b, sebarang penjajahan dilarang sama sekali dan Artikel 14 pula melarang riba sepenuhnya iaitu 2 peruntukan yang tidak terdapat dalam UDHR. Pada 30 Jun 2000, Negara-negara Islam yang menjadi ahli OIC bersetuju menyokong Deklarasi Kaherah. Namun, UDHR tetap dijadikan rujukan dalam kes-kes mahkhamah melibatkan hak asasi manusia. Walaubagaimanapun, di Malaysia, undang-undang Perlembagaan Persekutuan tetap diutamakan berbanding UDHR terutama dalam kes-kes melibatkan agama Islam.

### **Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN**

Diluluskan pada 18 November 2012 semasa Persidangan ASEAN di Phnom Penh. Terdapat 40 artikel dan ia mengikut hak asasi manusia yang sesuai di Negara-negara ASEAN. Artikel 10 mengesahkan semua hak sivil dan politik yang terdapat dalam UDHR sementara Artikel 28 e menyatakan tentang hak atas air bersih dan sanitasi yang layak. Jadi, kebanyakan hak asasi manusia di dalam Deklarasi ini lebih merupakan persefahaman Negara-negara sahabat serantau dan lebih sesuai dengan keadaan di Malaysia.

Kesimpulannya, hak asasi manusia telah diberikan keadilan dan haknya dalam Islam dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Allah Maha Adil dan Maha Pengasih telah menetapkan hukum-hukum yang sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri tanpa memilih gender, bangsa, pangkat atau harta. Yang dinilai di akhirat nanti ialah iman dan takwa. Oleh itu, kita perlu akur dengan undang-undang Allah dan sentiasa mentaati segala arahan dan laranganNYA. Tidak ada kebebasan mutlak dan tidak ada hak tanpa tanggungjawab.

### **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB**

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB ialah sebuah pertubuhan antarabangsa yang dibentuk di San Francisco, California pada 24 Oktober 1945 selepas Perang Dunia II. Keahliannya terbuka kepada semua negara di seluruh dunia. Matlamat-matlamat utamanya, sebagaimana yang ditetapkan dalam piagam PBB, adalah untuk mengelakkan pengulangan pertikaian yang hebat, menegaskan hak asasi manusia yang utama, menjamin rasa hormat akan undang-undang antarabangsa, serta memperbaiki taraf hidup penduduk di seluruh dunia. PBB

telah ditubuhkan semata-mata untuk menggantikan Liga Bangsa-bangsa yang telah dibubarkan setelah gagal menghalang Perang Dunia II. Ibu pejabat asal PBB terletak di San Francisco, akan tetapi PBB kini beroperasi di New York yang merupakan ibu pejabat sejak 1946.

Berikut adalah mukaddimah Piagam PBB,

Kami rakyat pertubuhan bangsa bersatu berazam:

- untuk menyelamatkan generasi-generasi yang berikut daripada kesengsaraan perperangan, yang dua kali dalam penghidupan kami, telah membawa kesedihan yang tidak terkatakan kepada manusia, dan
- untuk menegaskan semula keyakinan kepada hak-hak asasi manusia, kepada maruah dan nilai manusia, kepada hak-hak kesamarataan lelaki dan perempuan serta negara-negara besar dan kecil, dan
- untuk mewujudkan keadaan yang mana keadilan dan rasa hormat kepada kewajipan yang tertimbul daripada persetiaan-persetiaan dan sumber undang-undang yang lain dapat dipeliharaikan, dan
- untuk mempromosikan kemajuan sosial dan taraf hidup yang lebih baik dalam kebebasan yang lebih luas.

Piagam PBB menguntukkan enam instrumen yang utama, iaitu:

- Perhimpunan Agung
- Majlis Keselamatan
- Majlis Ekonomi dan Sosial
- Majlis Keamanan
- Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)
- Sekretariat

Majlis Keselamatan PBB merupakan instrumen yang paling berkuasa dalam PBB. Ia bertanggungjawab kepada pemeliharaan keamanan dan keselamatan antara negara-negara. Sedangkan instrument-instrumen PBB yang lain hanya membuat cadangan kepada kerajaan ahli-ahli, Majlis Keselamatan mempunyai kuasa di bawah Piagam PBB untuk memutuskan mana satu kerajaan ahlinya harus melaksanakan keputusannya.

Keputusan-keputusan Majlis Keselamatan digelarkan "Ketetapan Majlis Keselamatan PBB". Ahli-ahli Majlis Keselamatan bergilir-gilir memegang jawatan pengurus setiap bulan.

Kegiatan-kegiatan PBB terdiri daripada 7 bidang yang utama:

- Persidangan antarabangsa
- Tahun-tahun antarabangsa dan yang berkaitan
- Kawalan dan pelucutan senjata
- Penjagaan keamanan
- Hak asasi manusia
- Bantuan kemanusian dan perkembangan antarabangsa
- Persetiaan dan undang-undang antarabangsa.

## **Hak asasi manusia (HAM)**

Perjuangan untuk hak-hak asasi manusia merupakan alasan yang utama untuk mencipta PBB. Kekejaman Perang Dunia II dan pembunuhan kaum telah menyebabkan persetujuan serta-merta bahawa pertubuhan baru harus berusaha

untuk mencegah nahas yang serupa pada masa akan datang. Piagam PBB memerlukan kesemua ahli-ahli negaranya mempromosikan "rasa hormat sejagat ke atas dan pematuhan kepada hak asasi manusia" serta mengambil "tindakan bersama dan berasingan" untuk mencapainya.

## OHCHR

Office of High Commissioner of Human Rights (OHCHR) merupakan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi HAM yang terdapat di Geneva. Ia adalah Sekretariat PBB yang berfungsi untuk mempromosikan dan melindungi hak-hak asasi manusia (HAM) yang ada dalam hukum internasional dan Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR) tahun 1948. Pejabat ini dibentuk oleh Majlis Umum PBB pada 20 Desember 1993 dalam Konferens Hak Asasi Manusia Dunia.

Pejabat ini diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia, yang mengkoordinasikan semua aktiviti HAM yang dilakukan oleh sistem PBB dan mengawasi berjalannya Dewan HAM PBB di Geneva, Switzerland. Pesuruhjaya Tinggi yang menjawat sekarang adalah Prince Zeid bin Ra'ad dari Jordan semenjak 2014. Beliau merupakan orang Islam, Arab, Asia, dan Putera pertama memegang jawatan ini. Beliau akan memegang jawatan ini selama 4 tahun. Antara fungsi OHCHR ialah mengukuhkan mekanisme HAM, meningkatkan kesaksamaan dan mengurangkan diskriminasi serta memerangi kewewenangan dan mengukuhkan akauntabiliti dan kedaulatan undang-undang.

## HRC

Human Rights Council (HRC) atau Majlis HAM merupakan badan PBB yang menangani isu-isu pencabulan hak asasi manusia di seluruh dunia. Majlis ini menggantikan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB (UNCHCR), badan pendahulunya yang dikritik oleh ramai kerana dianggotai oleh negara-negara ahli yang mempunyai rekod hak asasi manusia yang buruk. Ia telah ditubuhkan pada 15 Mac 2006, melalui Resolusi Perhimpunan Agung 60/251 dengan persetujuan 170 negara ahli. Amerika Syarikat, Kepulauan Marshall, Palau dan Israel membantah penubuhannya manakala Belarus, Iran dan Venezuela berkecuali. Pilihan ahli-ahli diadakan pada 9 Mei 2006 dan Sesi Pertama HRC diadakan pada 19 Jun 2006. Sejak penubuhannya, HRC telah mengadakan 5 sesi biasa dan 4 sesi khas.

Majlis Hak Asasi Manusia mempunyai 47 ahli, iaitu 13 dari Afrika, 13 dari Asia, 6 dari Eropah Timur, 8 dari Amerika Latin dan Caribbean, dan 7 dari Eropah Barat dan lain-lain (Australia dan New Zealand). Malaysia pernah menganggotainya pada 2006-2009. Terdapat 3 sesi HRC setahun di mana setiap sesi adalah selama 10 minggu dan biasanya diadakan pada Mac (4 minggu), Jun (3 minggu) dan September (3 minggu). Pada setiap sesi, 10 negara anggota dinilai, maka setiap tahun 48 negara anggota dinilai kepatuhan mereka kepada undang-undang HAM antarabangsa.


Agenda-agenda HRC termasuk:-

1. Perkara-perkara organisasi dan prosedur (Ini termasuk calendar dan laporan-laporan).

2. Laporan tahunan UNHCHR (United Nations High Commission of Human Rights). OHCHR dan Setiausaha Agung PBB (Biasanya merangkumi perkembangan mutakhir perlanggaran isu-isu HAM).
3. Promosi dan perlindungan semua HAM, Hak-hak sivil, Politik, Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan.
4. Situasi-situasi HAM yang memerlukan perhatian Majlis HAM seperti masalah pencabulan HAM di Syria, Rohingya.
5. Badan-badan HAM dan mekanisme-mekanismenya.
6. Universal Periodic Review (UPR) atau Penilaian Berkala Sejagat.
7. Situasi pencabulan HAM di Palestin dan negara-negara Arab (Telah dibantah oleh US dan Israel dan hampir dibuang agenda ini tetapi dihalang oleh negara-negara Arab dan Latin Amerika).
8. Susulan dan perlaksanaan Deklarasi Vienna dan program tindakan.
9. Perkauman, Diskriminasi kaum, Xenophobia (takut dan benci terhadap orang asing), Deklarasi Durban dan Pelan Tindakan.
10. Bantuan teknikal dan pembinaan keupayaan

[www2.ohchr.org/english/bodies/hrcouncil/docs/10session/ProvAgenda10ses  
sion.pdf](http://www2.ohchr.org/english/bodies/hrcouncil/docs/10session/ProvAgenda10session.pdf)

## STRUKTUR PBB



## **UNIVERSAL PERIODIC REVIEW (UPR) SEMAKAN BERKALA SEJAGAT**

Ianya adalah satu proses semakan ke atas semua 193 negara di bawah PBB terhadap kepatuhan kepada undang-undang hak asasi manusia yang telah ditetapkan Majlis Hak Asasi Manusia (HAM) PBB atau United Nations Human Rights Council (UNHRC). Semakan dijalankan setiap 4-5 tahun bagi setiap Negara anggota.

Majlis HAM ini telah diwujudkan pada 15 Mac 2006 menggantikan Komisyen HAM dan bermula daripada ini, Negara kita tertakluk juga kepada mekanisme semakan rekod dan pencapaian HAM ini.

Pada 11 Februari 2009, semakan UPR pertama terhadap Malaysia telah dilakukan di ibu pejabat UNHRC di Geneva. Laporan dari NGO liberal Malaysia seperti COMANGO telah diterima oleh Majlis HAM. Sebanyak 62 syor atau cadangan telah diutarakan dan seramai 90 wakil Negara-negara anggota PBB telah bercakap dan memberikan saranan mereka.


Kali kedua sidang UPR telah diadakan pada Oktober 2014 dan semakan dibuat tentang kepatuhan Malaysia pada saranan-saranan yang diberikan pada 2009. Dalam sidang UPR kali kedua ini, 235 saranan diterima daripada Negara-negara anggota PBB lain. Daripada 235 saranan ini, 116 diterima penuh, 12 diterima sebahagian dan 22 diterima secara prinsip sementara 85 tidak disukai. Walaupun UPR ini tidak boleh diambil tindakan undang-undang jika tidak melaksanakannya, namun Negara yang disemak (CuR) perlu menerima saranan-saranan tersebut dan tidak boleh menolak. Sidang UPR yang akan datang ialah pada November 2018.

NGO-NGO Islam sedang bersedia untuk menyerahkan laporan pada sidang ketiga UPR untuk Malaysia dengan mengambilkira beberapa peruntukan hak asasi manusia yang perlu ditekankan kepada kerajaan.

Pusingan UPR diadakan setiap 4-5 tahun. Proses yang berlaku semasa sidang ini ialah:-

1. Laporan tentang penilaian HAM di CuR iaitu Negara yang disemak 10 hari sebelum UPR iaitu ketiga-tiga laporan yang diperlukan dari Wisma Putra, Suruhanjaya Tinggi HAM dan stakeholders.
2. Negara yang disemak ditanya tentang perlaksanaan HAM di sidang UPR dan dialog interaktif di mana ditanya solan dari negara lain.
3. Laporan dari Working Group (WG) atau Kumpulan Kerja UPR, di mana Kumpulan ini bertemu untuk 3 pertemuan di mana setiap pertemuan adalah 2 minggu iaitu 14 negara setiap sesi, jadi 42 negara setahun akan dinilai. WG ini terdiri daripada kesemua 193 Negara anggota PBB dan dipengerusikan oleh Presiden HRC. Stakeholders seperti NGO boleh hadir tetapi tidak dibenarkan bersuara.
4. Sebelum Laporan diterimapakai di Majlis HAM, setiap Negara yang dinilai dan NGO berpeluang mempertahankan diri dan memberi pendapat mereka.
5. Proses susulan ke atas Negara yang disemak tentang cadangan dan perlaksanaan HAM yang dijalankan

Gambarajah berikut menyimpulkannya.  
**PUSINGAN UPR (1-4 1/2 TAHUN)**



Dokumen-dokumen yang diperlukan dalam UPR adalah:

1. Laporan kerajaan yang disediakan oleh Wisma Putra  
Laporan 20 mukasurat terperinci tentang bagaimana kerajaan telah memenuhi tanggungjawab dan komitmen HAM termasuk pencapaian, amalan-amalan terbaik, cabaran dan had-had Kerajaan digalakkan berjumpa dan berbincang dengan NGO untuk mengumpul maklumat sebelum mengeluarkan laporan
2. Laporan dari Pejabat Suruhjaya Tinggi HAM (OHCHR)  
Laporan 10 mukasurat ini biasanya termasuk laporan pematuhan kepada Badan-badan HAM seperti Konvensyen Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita (CEDAW) juga laporan dari Special Rapporteurs kalau perlu.
3. Laporan dari 'stakeholders' seperti NGO, Badan HAM kerajaan seperti SUHAKAM  
Laporan 10 mukasurat ini boleh dibuat berasingan atau secara gabungan bersama NGO-NGO lain. Penekanan terhadap isu HAM yang sama untuk keberangkalian dimasukkan dalam laporan yang disediakan OHCHR yang akan menggabungkan semua menjadi 1 laporan. Laporan ini perlu mematuhi garis panduan teknikal OHCHR dan laporan perlu dihantar 6-8 bulan sebelum sidang UPR yang berikutnya.

Selain dari laporan bertulis, laporan NGO boleh juga dalam bentuk kenyataan lisan iaitu hanya sebahagian NGO sahaja dibenarkan bercakap dalam sidang UPR nanti selama 2 minit. Kita boleh lihat bahawa peranan NGO dalam UPR amat luas di mana antara peranannya ialah:-

1. Mengadakan dialog dengan kerajaan tentang isu-isu HAM berkaitan orang Islam yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan
2. Penggunaan piawaian antarabangsa hak asasi manusia untuk menjamin pelaksanaan domestik dan digunakan dalam pembaharuan undang-undang

dan pembangunan dasar Negara. Contohnya seperti serangan pihak Liberal terhadap institusi agama, institusi kehakiman Islam, badan halal kerajaan para ulamak dan khutbah Jumaat dan juga sekolah-sekolah agama dituduh melahirkan pengganas. Terdapat juga isu-isu lain seperti larangan memakai hijab dan solat di tempat kerja serta diskriminasi terhadap wanita mengandung.

3. Melobi Kedutaan Negara-negara luar di Malaysia untuk membawa perhatian kepada isu-isu spesifik HAM untuk ditangani semasa sidang UPR. Ini adalah kerana banyak NGO akan menghantar laporan mereka dan tidak semua akan dimabil perhatian oleh WG dan OHCHR.
4. Mengadakan ‘side events’ seperti panel debat dengan pakar-pakar HAM, pertunjukan atau exhibition, penerbitan buku atau majalah dan pameran.
5. Mengambil bahagian dalam salah satu dari proses antarabangsa sebagai sebahagian sokongan undang yang luas.

Oleh itu, NGO perlu merebut peluang ini dalam menyediakan laporan untuk sidang UPR dan membawa perhatian pihak antarabangsa kepada isu-isu HAM yang melibatkan kesejahteraan umat Islam.

## BADAN-BADAN HAM

Dibahagi kepada dua iaitu:-

1. Badan-badan berdasarkan piagam (charter based)
  - a. Majlis HAM atau Human Rights Council HRC
  - b. Semakan Berkala Sejagat atau UPR
  - c. Prosedur Khas atau Special procedures
  - d. HRC Complaint Procedure
2. Badan-badan berdasarkan perjanjian (treaty based)

Terdapat 10 badan dalam kategori ini di mana antaranya ialah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW, Jawatankuasa Mengenai Hak Kanak-kanak atau CRC, Jawatankuasa Menentang Keganasan atau CAT, Jawatankuasa Mengenai Hak Orang Kurang Upaya atau CRPD, dan Perjanjian Antarabangsa Berkaitan Hak-hak Sivil dan Politik atau ICCPR.

Malaysia menandatangani CEDAW, CRC dan CRPD. Buat masa ini, Malaysia didesak untuk menandatangani ICCPR tetapi oleh kerana adanya hak untuk bebas menukar agama dalam perjanjian ini, maka Malaysia menolaknya. Begitu juga Malaysia didesak untuk menandatangani CAT tetapi kerana penyeksaan dalam konteks Barat termasuk hukum hudud, maka buat masa ini ianya ditolak juga.

## COMANGO (Coalition of Malaysian NGOs)

Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia ialah sebuah gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia yang mengemukakan laporan hak asasi manusia ke UPR. Gabungan ini disertai oleh 54 NGO Malaysia dan hanya 12 daripada kesemua 54 NGO dalam gabungan Comango yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Hal ini disahkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia bahawa Comango adalah sebuah gabungan pertubuhan yang tidak berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335). COMANGO bersifat liberal dan cenderung untuk menuntut hak-hak asasi bagi kumpulan liberal seperti LGBT. Antara

NGO yang bernaung di bawahnya ialah SIS, AWAM, WAO, Christian Federation Malaysia dan Amnesty International Malaysia.

Tuntutan COMANGO yang agak berbahaya kepada ummah yang telah diutarakan dalam laporan kepada sidang UPR 2013 ialah:-

1. Mendesak kerajaan menandatangani beberapa badan HAM seperti Perjanjian Antarabangsa Berkaitan Hak-hak Sivil dan Politik atau ICCPR di mana terdapat kebebasan beragama dan menukar agama termasuk di kalangan orang Islam dan kebebasan beramal dalam setiap upacara keagamaan.
2. Dalam agenda penyatuan kebangsaan dan persefahaman kaum, mereka meminta agar kerajaan melancarkan polisi kebangsaan yang lebih komprehensif terhadap kesamarataan jantina dan memohon hak SOGI (Sexual Orientation and Gender Identity) iaitu agar Kerajaan menghalalkan perkahwinan sama jenis seperti LGBTIQ (Lesbian, gay, bisexual, transgender, intersex and questioning)
3. Malaysia juga digesa untuk menandatangani Perjanjian Antarabangsa Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman atau *International Covenant on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD). Implikasi perkara ini akan mengheret kepada isu perkauman dan mencabar status quo yang melibatkan kedudukan orang Melayu dan Islam di Malaysia seperti mana yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia dan semangat kontrak sosial.

Tuntutan COMANGO ini ditentang oleh NGO-NGO Islam terutamanya *Pertubuhan-pertubuhan Islam Dalam Proses Semakan Berkala Sejagat* (MuslimUPro). Mereka mengatakan bahawa perbuatan ini tidak menghormati kedudukan Islam sebagai agama persekutuan Malaysia. NGO lain yang turut menentang hebat ini adalah ISMA. Tuntutan tersebut telah menimbulkan bangkangan di Parlimen Malaysia oleh DPPM, antaranya adalah:-

1. COMANGO tidak menghormati kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan.
2. COMANGO telah meletakkan Malaysia termasuk institusi Islam di bawah pemantauan PBB.
3. COMANGO mencampuri urusan agama dan mencabar kemuliaan ummat Islam apabila mereka mendesak supaya membenarkan amalan hidup songsang seperti LGBT.

Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia telah menyatakan bahawa COMANGO adalah satu tuntutan yang haram. Pada 8 Jan 2014, Malaysiagazette.com telah melaporkan bahawa KDN telah mengharamkan COMANGO kerana sebahagian besar ahlinya tidak berdaftar. Saya bersyukur latihan UPR ini amat bermanfaat dan telah memberi kami ilmu undang-undang antarabangsa yang tidak mungkin didapati di tempat lain serta dapat membantu kami memahami tugas kami dalam memartabatkan Islam dan memimpin hak-hak orang Islam di dalam negara. Saya ingin galakkan semua NGO Islam menghantar wakil mereka untuk latihan seperti ini.

## RUJUKAN

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan\\_Bangsa-Bangsa\\_Bersatu](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan_Bangsa-Bangsa_Bersatu)

[www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/](http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/)

[www.jawi.gov.my/cdhri.pdf](http://www.jawi.gov.my/cdhri.pdf) (Deklarasi Kaherah).UNIVERSAL PERIODIC REVIEW-A Practical Guide For Civil Society

www.ohchr.org > OHCHR > English > Human Rights Bodies > UPR.  
referensi.elsam.or.id/2014/09/deklarasi-hak-asasi-manusia-asean

<https://ms.wikipedia.org/wiki/COMANGO>

<https://www.upr-info.org/en/upr-process/what-is-it>

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Piagam\\_Madinah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Piagam_Madinah)

[https://ms.wikipedia.org/.../Majlis\\_Hak\\_Asasi\\_Manusia](https://ms.wikipedia.org/.../Majlis_Hak_Asasi_Manusia)

<https://tunabdulhamid.me/2014/11/hak-asasi-manusia-peranan-dan-fungsi>